

SOALAN NO. : 327

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

SOALAN:

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sebab-sebab cukai petak tidak dapat dilaksanakan mulai 1 Januari 2018 bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, negeri Pulau Pinang, Selangor dan Melaka dan apakah usaha-usaha akan diambil untuk memastikan pelaksanaannya pada suatu tarikh baru yang akan atau telah ditetapkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan cukai bagi petak atau blok sementara di Negeri Pulau Pinang dan Melaka, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tidak dapat dilaksanakan mulai Januari 2018 berikutan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka dan Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan untuk menangguhkan pelaksanaan cukai tersebut ke suatu tarikh yang sesuai. Walau bagaimanapun, pelaksanaan cukai bagi petak atau blok sementara di Negeri Selangor akan dilaksanakan bermula pada 1 Jun 2018 dengan pewartaan Kaedah-kaedah Hakmilik Strata (Pindaan 2017).

Bagi memastikan pelaksanaan cukai bagi petak atau blok sementara dijalankan di negeri-negeri selain Negeri Selangor, Kementerian ini melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan akan sentiasa berhubung dengan Pihak Berkuasa Negeri masing-masing bagi mendapatkan maklum balas berhubung kesediaan PBN dalam mewartakan Kaedah Hakmilik Strata Negeri dan melaksanakan cukai bagi petak atau blok sementara.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

SOALAN : 328

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status bagi cadangan membina sebuah lapangan terbang yang baru di negeri Kedah serta impaknya yang positif dan negatif terhadap Lapangan Terbang Antarabangsa di Bayan Lepas, Pulau Pinang.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu kajian kemungkinan telah disiapkan untuk cadangan lapangan baru Lapangan Terbang Wilayah Utara. Pada masa ini, Kerajaan masih mempertimbangkan cadangan-cadangan yang dikemukakan melalui kajian tersebut.